

25/04/1997

MSC: Tiada niat halang jiran

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia tidak berniat menghalang peluang negara jiran meraih pelaburan asing menerusi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan, kewujudan MSC bertujuan memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam bidang teknologi maklumat berbanding negara lain.

Menurutnya, tidak timbul soal perlumbaan dalam pembangunan Teknologi Maklumat (IT) di rantau ini dengan pelaksanaan MSC di Malaysia.

"Kita tak ada niat nak halang sesiapa tetapi kita berhak untuk menarik seberapa banyak pelaburan dari negara lain atau syarikat lain.

"Dulupun kita buat macam itu, kita tarik pelaburan. Kalau kita dapat, kita dapatlah, kalau orang lain dapat kita tak cakap apalah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Nasional (MTMN) di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Tetap MTMN, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen; dan ahli MTMN, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Dalam mesyuarat itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi MTMN melancarkan Program Aplikasi Percubaan (PAP) menimbulkan kesedaran dan mempromosi teknologi maklumat (IT) di kalangan orang ramai.

PAP adalah projek jangka pendek bertujuan menggalak dan mengembangkan penggunaan IT dan teknologi multimedia hasil ciptaan dan kepakaran rakyat tempatan menggunakan kandungan setempat.

Program PAP terbuka kepada orang ramai sama ada peniaga, agensi kerajaan, ahli akademik, organisasi bukan kerajaan dan organisasi tidak mementingkan keuntungan.

Melalui program PAP, orang ramai yang berada di luar kawasan MSC tidak berasa ketinggalan untuk bersama-sama memajukan dan memanfaatkan teknologi multimedia.

Mengenai pemahaman rakyat Malaysia mengenai MSC sekarang, Dr Mahathir berkata, mereka semakin bijak dan mudah menerima perubahan yang bakal wujud.

"Dalam sidang video baru-baru ini, mereka lebih banyak bertanya soalan yang relevan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, negara di seluruh dunia perlu menggubal peraturan antarabangsa bagi mengendalikan pelbagai jenis maklumat yang disalurkan menerusi media.

"Ini kerana tiada negara yang mahu pemikiran anak-anak mereka dirosakkan menerusi maklumat yang tidak sesuai menerusi media," katanya.

Mengenai kuota bagi syarikat Bumiputera dalam MSC, Dr Mahathir berkata, setakat ini belum ada cadangan untuk mewujudkannya.

(END)